



**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
COMMERCIAL VEHICLES LICENSING BOARD SARAWAK**

Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93350 KUCHING, SARAWAK,
MALAYSIA.

Tel: 6082-412033/412303/412073/413303
Faks: 6082-256757
Laman Web: www.lpkpsarawak.gov.my/lpkp

Ruj. Kami : LPKP.SRWK.100-1/8/1 (26)
Tarikh : 30 Januari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN,

Tuan/Puan,

**KELULUSAN MODEL SEWAAN KENDERAAN E-HAILING BAGI PERKHIDMATAN
E-HAILING DI SARAWAK**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan **Mesyuarat Lembaga Bil. 1/2024** pada **25 Januari 2024** telah bersetuju untuk meluluskan model sewaan kenderaan e-hailing bagi perkhidmatan e-hailing di Sarawak dengan syarat-syarat model sewaan yang telah ditetapkan.
3. Seterusnya, bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak Bil. 1/2024** untuk makluman dan rujukan pihak tuan/puan. Pelaksanaan arahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh **pekeliling ini dikeluarkan.**
4. Untuk perhatian dan tindakan selanjutnya dari pihak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(CORNELIA WONG CHUI)

Pengarah,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
SARAWAK.

Salinan Kepada:


1. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengangkutan Malaysia,
No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
2. Setiausaha Tetap
Kementerian Pengangkutan Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Baitulmakmur,
Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.
3. Pesuruhjaya Polis Kontigen Sarawak,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Kontigen Sarawak,
Jalan Badrudin,
93560 Kuching, Sarawak.
4. Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak,
Lot 200, Batu 11 ½,
Jalan Kuching-Serian,
93250 Kuching, Sarawak.
5. Pengurus Wilayah
PUSPAKOM Sabah & Sarawak,
Lot 9561, Seksyen 64, Pending Industrial Estate,
Jalan Dato Merican Salleh,
93450 Kuching, Sarawak.

SENARAI EDARAN

1. Borneo Region Manager,
GRABCAR SDN. BHD.,
Level 1, Lot 20, Section 30, Plaza Aurora,
Jalan McDougall, KTLD,
93000 KUCHING.

2. Pengurus,
AIST MALAYSIA SDN. BHD.,
Lot 207, 1st Floor,
Jalan Satok,
93400 KUCHING.

3. Pengurus,
AIRASIA SUPERAPP,
Unit 109, 1st Floor, Gala City,
Jalan Tun Jugah,
93350 KUCHING.



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

SEMUA PEMEGANG LESEN PENGANTARA PERNIAGAAN (LPP)

**KELULUSAN MODEL SEWAAN KENDERAAN E-HAILING
BAGI PERKHIDMATAN E-HAILING DI SARAWAK**

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua pemegang Lesen Pengantara Perniagaan (LPP) mengenai **kelulusan model sewaan kenderaan e-hailing bagi perkhidmatan e-hailing di Sarawak.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menerima permohonan daripada beberapa syarikat e-hailing untuk melaksanakan kaedah pajakan dalam perkhidmatan e-hailing. Ia bertujuan untuk memastikan para pemandu yang tidak berkemampuan memiliki kenderaan sendiri dapat mencari pendapatan dalam industri e-hailing.
- 2.2. Seterusnya, YB Menteri Pengangkutan melalui minit bertarikh 27 Julai 2023 telah bersetuju dengan model baharu sewaan kenderaan e-hailing (Rujukan surat: MOT.BD.(S).600-2/21/3 JLD.2 (7) bertarikh 15 Ogos 2023) dengan syarat-syarat berikut:-
- 2.2.1. Hak milik kenderaan untuk tujuan sewaan tersebut adalah kenderaan hak milik **syarikat pengendali e-hailing (EHO)** iaitu pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) sahaja;
- 2.2.2. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat yang mempunyai LPP sahaja. Pemegang LPP **tidak boleh menubuhkan anak syarikat** bagi mengendalikan program sewa

kereta. Ia bagi memastikan akauntabiliti syarikat terhadap para pemandu (penyewa) mereka;

2.2.3. Kuota **E-Hailing Vehicle Permit (EVP)** yang dibenarkan untuk tujuan sewaan kenderaan e-hailing hendaklah **tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan EVP yang diluluskan** kepada EHO pada satu-satu masa untuk perkhidmatan e-hailing. Ia bagi memastikan kuota yang lebih dinamik dan kuota untuk tujuan sewaan tersebut tidak melebihi EVP sedia ada yang diluluskan kepada individu;

2.2.4. Sebanyak **25% daripada 5% kuota EVP bagi model sewaan tersebut hendaklah diperuntukkan untuk kenderaan elektrik (EV)** dengan keutamaan kepada kenderaan buatan Malaysia (sekira ada). Ia selari dengan hasrat Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019 - 2030 iaitu untuk meningkatkan penggunaan EV dan mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*) dalam sektor pengangkutan awam di Malaysia;

2.2.5. Kenderaan untuk tujuan sewaan tersebut adalah **kenderaan buatan Malaysia sepenuhnya** (kecuali bagi kenderaan EV seperti di syarat para 2.2.4. Ia bertujuan untuk memacu industri automotif tempatan; dan

2.2.6. Dasar model sewaan kenderaan e-hailing ini **terbuka kepada mana-mana EHO berlesen** yang berminat.

3. PELAKSANAAN

3.1. Mesyuarat Lembaga Bil. 1/2024 pada 25 Januari 2024 telah **bersetuju untuk meluluskan** model sewaan kenderaan e-hailing bagi perkhidmatan e-hailing di Sarawak dengan **syarat-syarat model sewaan seperti di bawah:-**

- (a) Tempoh sewaan - Kontrak 3 bulan;
- (b) Deposit - RM350.00 (Dikembalikan);
- (c) Kadar sewaan - RM55.00 sehari (Maksimum);
- (d) Perlindungan insurans pemandu dan kenderaan ditanggung oleh pihak EHO;
- (e) Kos penyelenggaraan kenderaan ditanggung oleh pihak EHO; dan
- (f) Kontrak perjanjian antara EHO dan pihak pemandu diuruskan oleh pihak EHO.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.


5. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada **semua pemegang Lesen Pengantara Perniagaan (LPP)** yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

Tarikh : 31/1/2024

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia, Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak
Pengurus Wilayah, PUSPAKOM Sarawak dan Sabah